



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

8 MEI 2023 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

8 MEI 2023 (ISNIN)

Misi francais ke Melbourne tarik potensi pelaburan RM30 juta

Perkukuh hubungan ekonomi rakan global Malaysia

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Misi Perdagangan Francais Malaysia ke Melbourne, Australia bersempena Franchising & Business Opportunities Expo 2023 (FBOE 2023) berjaya menarik nilai potensi pelaburan berjumlah RM30 juta dari negara berkenaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata potensi pelaburan berkenaan adalah termasuk hasil gandaan ekonomi seperti peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia serta potensi eksport dari Malaysia ke Australia.

"Penyertaan yang rancak dari

pada pemain industri francais semasa misi itu berlangsung dijangka akan membawa lebih banyak jenama francais yang mapan dari Australia untuk diperkenalkan di Malaysia dan begitu juga sebaliknya.

"Ini akan mengukuhkan hubungan ekonomi di antara dua negara dan Australia adalah di antara 10 negara teratas sebagai rakan global Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Salahuddin mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan kerja rasmi sulungnya bagi Misi Perdagangan Francais Malaysia ke Melbourne bersempena FBOE 2023.

Misi perdagangan itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan di bawah Program Pengukuhan Francais bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) bertujuan untuk memupuk dan menggalakkan lebih banyak eksport francais ke negara luar.

"Misi perdagangan antarabangsa Francais Malaysia ini adalah



Salahuddin merasmikan Pavilion Malaysia di FBOE, 2023.

(Foto Facebook Datuk Seri Salahuddin Ayub)

yang pertama untuk tahun ini. Selain itu, terdapat cadangan beberapa negara lain untuk misi perdagangan seperti Thailand, Indonesia, Turkiye dan India yang akan bermula dari Julai sehingga

Oktober depan," katanya.

Galak pengembangan jenama
Ketika berucap pada Majlis Perasmian Pavilion Malaysia di FBOE 2023, Salahuddin berkata, objek-

tif utama misi perdagangan berkenaan adalah bertujuan untuk memacu dan menggalakkan pengembangan jenama Malaysia ke Australia termasuk bekerjasama dengan pelabur berpotensi dan bersesuaian.

"Ia adalah satu peluang yang baik bagi syarikat Francais Malaysia untuk bekerjasama dengan bakal ahli perniagaan Francais Australia bagi mengembangkan perniagaan mereka di pasaran negara berkenaan. Saya percaya terdapat banyak peluang perniagaan untuk diterokai di Australia.

"Baru-baru ini, Marrybrown telah melantik francais induk di Australia, manakala Smart Reader Kids telah membuka cawangan keempat di Melbourne.

"Ini adalah contoh yang baik untuk syarikat lain untuk menembusi pasaran antarabangsa dengan mempromosikan jenama Malaysia. Hal ini sekali gus meningkatkan reputasi Malaysia di pasaran eksport antarabangsa," katanya.

Potensi tarik pelaburan francais RM30 juta dari Australia

PUTRAJAYA- Kerajaan berjaya menarik nilai potensi pelaburan berjumlah RM30 juta dari Australia termasuk hasil gandaan ekonomi seperti peluang pekerjaan dan potensi eksport ke negara itu hasil Misi Perdagangan Francais Malaysia ke Melbourne, Australia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub yang mengetuai misi itu ke *Franchising And Business Opportunities Expo 2023 (FBOE 2023)* diadakan pada 3 hingga 6 Mei lepas berkata, ini susulan penyertaan rancak pameran industri francais tempatan dalam pameran tersebut.

Katanya, objektif utama misi perdagangan itu untuk memacu dan menggalakkan pengembangan jenama Malaysia ke Australia termasuk bekerjasama dengan pelabur-pelabur berpotensi dan bersesuaian.

Beliau berkata, lebih banyak jenama francais yang mapan dari Australia akan di-

bawa masuk untuk diperkenalkan di Malaysia dan begitu juga sebaliknya.

"Ini akan mengukuhkan hubungan ekonomi di antara dua negara dan Australia antara 10 negara teratas sebagai rakan global Malaysia," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Salahuddin berkata, misi perdagangan antarabangsa Francais Malaysia berkenaan adalah yang pertama untuk tahun ini.

Sementara itu, semasa berucap pada Majlis Perasmian Pavilion Malaysia di pameran tersebut, beliau berkata, ia satu peluang yang baik bagi syarikat francais Malaysia untuk bekerjasama dengan bakal ahli perniagaan francais Australia bagi mengembangkan perniagaan mereka dalam pasaran Australia.

"Saya percaya terdapat banyak peluang perniagaan untuk diterokai di Australia.



SALAHUDDIN

Baru-baru ini, Marrybrown telah melantik francais induk mereka di Australia manakala Smart Reader Kids telah membuka cawangan keempat di Melbourne.

"Ini adalah contoh yang baik untuk syarikat lain me-

nembusi pasaran antarabangsa dengan mempromosikan jenama Malaysia, sekaligus meningkatkan reputasi Malaysia di pasaran eksport antarabangsa," katanya.

Selain itu katanya, terdapat cadangan beberapa negara lain untuk misi perdagangan seperti Thailand, Indonesia, Turkiye dan India.

Sehingga kini sebanyak 68 jenama francais Malaysia telah berkembang ke 75 negara dan antara yang telah menembusi pasaran Australia ialah Marrybrown, Tealive, Global Art, Smart Reader Kids dan Aloha Mental Arithmetic. - *Bernama*

Kerajaan tarik potensi pelaburan Australia RM30 juta

Kuala Lumpur: Kerajaan berjaya menarik nilai potensi pelaburan berjumlah RM30 juta dari Australia termasuk hasil gandaan ekonomi seperti peluang pekerjaan dan potensi eksport ke negara itu hasil Misi Perdagangan Francais Malaysia ke Melbourne, Australia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahu-

ddin Ayub yang mengetuai misi itu ke Franchising And Business Opportunities Expo 2023 (FBOE 2023) diadakan pada 3 hingga 6 Mei lalu berkata, ini susulan penyertaan rancak pemain industri francais tempatan dalam pameran terbabit.

Katanya, objektif utama misi perdagangan memacu dan menggalakkan pengembangan jenama Mala-

ysia ke Australia termasuk bekerjasama pelabur berpotensi dan bersesuaian.

Beliau berkata, lebih banyak jenama francais mapan dari Australia akan dibawa masuk diperkenalkan di Malaysia dan begitu juga sebaliknya.

"Ini mengukuhkan hubungan ekonomi di antara dua negara dan Australia antara 10 negara teratas sebagai ra-

kan global Malaysia," katanya.

Salahuddin berkata, misi perdagangan antarabangsa Francais Malaysia itu yang pertama tahun ini.

Semasa berucap pada Majlis Perasmian Pavilion Malaysia di pameran terbabit, beliau berkata, ia satu peluang baik bagi syarikat francais Malaysia bekerjasama dengan bakal ahli perniagaan francais Australia

bagi mengembangkan perniagaan mereka dalam pasaran Australia.

"Saya percaya terdapat peluang perniagaan diterokai di Australia. Baru-baru ini, Marrybrown melantik francaisi induk di Australia manakala Smart Reader Kids membuka cawangan keempat di Melbourne.

"Ini contoh baik untuk syarikat lain menembusi

pasaran antarabangsa dengan mempromosikan jenama Malaysia, sekali gus meningkatkan reputasi Malaysia di pasaran eksport antarabangsa," katanya.

Selain itu, katanya terdapat cadangan beberapa negara lain untuk misi perdagangan seperti Thailand, Indonesia, Turkiye dan India yang bermula Julai hingga Oktober tahun ini.

Kekurangan bekalan gula bukan krisis di Pantai Timur

BAYAN LEPAS – Masalah kekurangan bekalan gula yang berlaku di negeri-negeri Pantai Timur bukan satu krisis yang berpunca daripada kekurangan bahan makanan itu di pasaran.

Sehubungan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, orang ramai di Pantai Timur dinasihatkan agar jangan melakukan pembelian panik kerana bekalan gula mencukupi di pasaran.

“Secara purata penggunaan gula untuk seminggu bagi negeri Pantai Timur ialah 400 metrik tan untuk tempoh seminggu.

“Kita juga telah menambah bekalan gula sebanyak 36 peratus iaitu berjumlah 614.12 metrik tan bagi tempoh empat hari bagi menampung bekalan,” katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Rumah Terbuka Rahmah Aidilfitri anjuran Parti Amanah di Teluk Kumbar di sini semalam.

Sebelum ini, media melaporkan berlaku kekurangan bekalan gula sehingga menjejaskan ramai golongan peniaga dan pengusaha premis makanan di

Terengganu dan Kelantan.

Susulan masalah berkenaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melancarkan Ops Manis bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan gula di Pantai Timur sejak musim perayaan Aidilfitri baru-baru ini.

Menurut Salahuddin, hasil pelaksanaan Ops Manis yang dilancarkan bermula 3 Mei hingga 6 Mei lalu mendapati isu gangguan bekalan yang berlaku semakin pulih.

“Pemborong-pemborong utama di kedua-dua negeri telah menerima bekalan daripada pengilang secara berperingkat untuk diedarkan kepada pemborong dan peruncit di seluruh kawasan.

“Kita juga mendapati aduan-aduan yang diterima semakin berkurang serta menurun kepada purata satu aduan bagi sehari pemeriksaan sahaja,” katanya.

Tambahnya, petugas khas juga melaporkan tiada kes diambil ke atas peniaga kerana tiada kesalahan sorok, enggan menjual barang kawalan atau lain-lain kesalahan ditemui.



SALAHUDDIN memberi duit raya kepada kanak-kanak ketika Rumah Terbuka Rahmah Aidilfitri di Teluk Kumbar, Bayan Lepas semalam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

8 MEI 2023 (ISNIN)

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 MEI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-May	Misi francais ke Melbourne tarik potensi pelaburan RM30 juta	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2023/05/1098012/misi-francais-ke-melbourne-tarik-potensi-pelaburan-rm30-juta	BH
8-May	Kerajaan tarik RM30 juta nilai potensi pelaburan dalam misi perdagangan francais ke Australia	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2186773	BERNAMA
8-May	RM30mil in potential investments garnered via trade mission to Australia, says minister	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/07/rm30mil-in-potential-investments-garnered-via-trade-mission-to-australia-says-minister	THESTAR
8-May	Syarikat francais Malaysia intai pasaran Australia	https://www.kosmo.com.my/2023/05/07/syarikat-francais-malaysia-intai-pasaran-australia/	KOSMO
8-May	Kerajaan tarik RM30 juta nilai potensi pelaburan dalam misi perdagangan francais ke Australia	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-tarik-rm30-juta-nilai-potensi-pelaburan-dalam-misi-perdagangan-francais-ke-australia-418448%3famp=1	ASTROAWANI
8-May	KPDN capai sasaran potensi pelaburan RM30 juta di Australia	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/257276	SH
8-May	Ops MANIS berjaya tambah penerimaan gula di Kelantan, Terengganu	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1098201/ops-manis-berjaya-tambah-penerimaan-gula-di-kelantan-terengganu	BH
8-May	KPDN kecewa alasan cuti raya punca krisis gula di Pantai Timur	https://malaysiagazette.com/2023/05/07/kpdn-kecewa-alasan-cuti-raya-punca-krisis-gula-di-pantai-timur/	MALAYSIAGAZETTE
8-May	Shortage of sugar supply in Kelantan, Terengganu not a crisis: KPDN	https://www.thesundaily.my/local/shortage-of-sugar-supply-in-kelantan-terengganu-not-a-crisis-kpdn-DM10943145	THESUNDAILY

8-May	Krisis gula tidak sepatutnya berlaku - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/964287/krisis-gula-tidak-sepatutnya-berlaku-salahuddin-metrotv	HM
8-May	KPDN cari penyelesaian isu kekurangan bekalan gula di Pantai Timur ketika Aidilfitri	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/62947-kpdn-cari-penyelesaian-isu-kekurangan-bekalan-gula-di-pantai-timur-ketika-aidilfitri	BERITARTM
8-May	Shortage of sugar supply in Kelantan, Terengganu not a crisis - KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/195411	SHDAILY
8-May	Cuti panjang punca kekurangan bekalan gula di pantai timur	https://www.buletintv3.my/nasional/cuti-panjang-punca-kekurangan-bekalan-gula-di-pantai-timur/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini	BULETINTV3
8-May	Shortage of sugar supply in Kelantan, Terengganu not a crisis	https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2186875	BERNAMA
8-May	Kekurangan bekalan gula di pantai timur bukan satu krisis	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2186874	BERNAMA
8-May	Kekurangan bekalan gula di Pantai Timur bukan satu krisis - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kekurangan-bekalan-gula-di-pantai-timur-bukan-satu-krisis-salahuddin-418491%3famp=1	ASTROAWANI
8-May	Kekurangan bekalan gula bukan krisis	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kekurangan-bekalan-gula-bukan-krisis/	UM
8-May	Kekurangan gula di Pantai Timur bukan satu krisis, kata menteri	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/441427	THEMALAYSIANINSIGHT
8-May	Kerajaan capai sasaran pelaburan RM30 juta misi franchais Australia	https://www.edisi9.com.my/2023/05/kerajaan-capai-sasaran-pelaburan-rm30-juta-misi-franchais-australia/	EIDS19